

► Tatabahasa

Perkataan yang bercetak tebal ialah kata ganda separa, iaitu kata ganda separa tunggal dan kata ganda separa berimbuhan. Tulis kata ganda separa tunggal dan kata ganda separa berimbuhan tersebut dalam ruangan yang betul. **SP 5.2.1**

Puan Faqiha **berura-ura** untuk membuat kuih kesukaan anak **lelakinya**, iaitu kuih seri muka. Namun, dia sudah lupa cara-cara untuk membuat kuih itu.

Tanpa **berlengah-lengah** lagi, Puan Faqiha melayari laman **sesawang** untuk mendapatkan resipi dan mempelajari cara-cara untuk membuat kuih seri muka.

Jejari tangan Puan Faqiha mula **menekan-nekan** papan **kekunci** komputer untuk menaip kata kunci. Beberapa saat kemudian, terparlah video-video yang menunjukkan cara-cara untuk membuat kuih seri muka. Puan Faqiha menggerakkan **tetikus** komputer untuk mengklik satu daripada video itu.

Puan Faqiha menonton video itu **berulang-ulang** kali. Setelah berpuas hati dengan penerangan dalam video itu, beliau tidak **teragak-agak** lagi untuk membuat kuih seri muka yang enak.

Nota Tatabahasa

- Kata ganda separa terbahagi kepada dua jenis, iaitu kata ganda separa tunggal dan kata ganda separa berimbuhan.
- Kata ganda separa tunggal ialah kata yang mengalami pengulangan bunyi vokal pada suku kata pertama dan pada kata asalnya.
- Kata ganda berimbuhan pula ialah kata ganda yang memperoleh imbuhan, sama ada awalan, akhiran, atau sisipan.

Contoh Kata Ganda Separatunggal	Contoh Kata Ganda Separaberimbuhan
bebalai, bebenang, gegandang jejari, kekabu, kekunci, lelaki, lelangit, pepijat, sesawang, tetikus, tetupai	buah-buahan, kecil-kecilan, berbual-bual, berlengah-lengah, berulang-ulang, berura-ura, menekan-nekan, merayau-rayau, bantu-membantu, teragak-agak

Kata Ganda Separatunggal

Kata Ganda Separaberimbuhan

- _____
- _____
- _____
- _____
- _____

- _____
- _____
- _____
- _____
- _____